KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	09.03.22	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	PERHILITAN			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Lapor segera jika terlihat kelibat gajah

JERANTUT - Penduduk kampung diingatkan agar segera melaporkan kepada pihak berkuasa jika memiliki sebarang maklumat mengenai kehadiran gajah liar di kawasan masing-masing.

Pengerusi Gajah Liar Pahang, Datuk Nazri Ngah berkata, tindakan itu perlu dilakukan agar kehadiran haiwan liar itu di kawasan penempatan penduduk dapat ditangani.

Menurutnya, setiap kali kehadiran gajah dikesan, pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) akan dikerahkan untuk membuat kawalan serta memindahkan haiwan terbabit ke tempat selamat.

"Setakat ini, sebanyak 14 ekor gajah berjaya dipindahkan bermula tahun 2017 hingga Februari baru-baru ini.

"Selain itu, kita juga telah membuat zon penampan di kawasan Bukit Awan dekat Kuala Sat yang diserang gajah dengan menyediakan makanan gajah iaitu napier.

"Kawasan seluas 80 hektar itu ditanam napier supaya gajah boleh mendapatkan sumber makanan dan tidak memasuki kawasan lain.

"Perkara itu dikendalikan sebuah syarikat dari Terengganu yang dilantik," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Mengulas lanjut, Nazri berkata, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan dalam bajet kerajaan negeri bagi membantu mereka yang terjejas menerusi pemberian ganti rugi akibat ancaman haiwan tersebut selain kos bagi tujuan pemindahan haiwan liar terbabit.



Nazri ketika meninjau lokasi serangan gajah di sebuah ladang di Sungai Putat, Jerantut pada Februari lalu